

Perasmian UTAR ditangguh ekoran isu kuota

BH 15 JUN 2002

KUALA LUMPUR. Jumaat - Upacara perasmian Universiti Tuanku Abdul Rahman (UTAR) milik MCA oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini, ditangguhkan, dipercayai ekoran kontroversi kenyataan presidennya, Datuk Dr Ling Liong Sik berhubung kuota pelajar Bumiputera, baru-baru ini.

Sumber MCA berkata, pentadbiran universiti itu menerima arahan penang-

guhan berkenaan kelmarin dan belum menetapkan tarikh baru untuk upacara perasmian.

"Kami dimaklumkan mengenai perkara itu kelmarin tetapi pengurusan universiti tidak pula menyatakan bila tarikh baru perasmian UTAR," katanya.

Sumber lain pula memberitahu, tarikh perasmian UTAR ditunda sehingga Ogos depan.

Difahamkan, keputusan menangguhkan peras-

mian UTAR mempunyai kaitan rapat dengan kenyataan kontroversi Dr Ling berhubung kuota kemasukan pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Presiden MCA itu dilaporkan berkata, pelajar Bumiputera tidak memerlukan kuota 10 peratus bagi kemasukan ke IPTS kerana mereka sudah diberi banyak peluang pendidikan di universiti awam, malah pelajar ce-

merlang dihantar melanjutkan pelajaran di luar negara.

Berikutan itu, Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan kenyataan Dr Ling sebagai angkuh dan tidak sensitif kepada perpaduan kaum.

Ketuanva, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Presiden MCA itu tidak peka dengan pelbagai inisiatif bagi menangani isu pendidikan yang diusahakan

oleh kerajaan.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek ketika dihubungi mengesahkan penangguhan perasmian Utar.

"Saya menerima surat daripada Utar memaklumkan perasmian itu akan ditangguhkan sementara waktu.

"Tetapi sebelum ini, ketika di Terengganu, Dr Ling sendiri sempat berbisik kepada saya mengenai perkara itu," katanya.